

## SAMBUTAN ULANG TAHUN KAMI. SELAMAT KEMBALI KE TAHUN 1989.

Tidak banyak yang berbeza sejak 25 tahun lalu, sungguhpun berjuta stik daripada ladang-ladang ternak terbaik di dunia telah kami hidangkan menggunakan resipi warisan 3 generasi. Malah, stik kami tetap sehebat rasanya sejak diperkenalkan pada tahun 1989. Raikanlah bersama kami dan nikmati diskaun lebih 25% untuk Menu Set Ulang Tahun. Anda juga boleh menikmati baucar hidangan RM50 setelah melengkapkan 12 setem pada pasport VS kami. Di dapur Victoria Station, sejarah sentiasa berulang saban hari.

**KEBAIKAN KLASIK SUKU ABAD LAMANYA.**


VICTORIA STATION SDN BHD (188332-W) • STESEN DAMANSARA TEL: 03-2093 8833 / 03-2094 9406 • STESEN PENANG TEL: 04-642 5988 / 8988 • STESEN AMPANG TEL: 03-4257 3388 / 4251 4997 • STESEN SEBERANG JAYA TEL: 04-398 1288 / 2388 • STESEN USJ TEL: 03-5637 3388 / 5636 7508 • STESEN PJ TEL: 03-7955 8989 / 7957 3288

**VICTORIA STATION**  
STESEN STIK SEJATI  
victoriastation.com.my

Disclaimer: Perhatian: Semua maklumat yang terkandung di sini adalah tepat semasa dicetak dan tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal. Victoria Station bertukar untuk memperkatakan hidangan yang tidak dapat diadapakan dengan yang sama nilai. Salinggapan semua langkah telah diarahkan seawal pengalihan produk kami. Victoria Station tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang ketidaksepatuan fakta. Kami bertekad untuk menyediakan semua maklumat stok kami di restoran. Kami juga bertekad untuk tidak menjual produk kami kepada kakitangan di restoran. Hidangan promosi adalah sah sempena stok masih ada.

# IRCIIEF rintis pusat kumpul sedekah, hibah

**Pusat** Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCIIEF) sedang merintis usaha bagi merealisasikan penubuhan Baitul Sadaqah atau pusat pengumpulan sedekah, wakaf dan hibah dalam sektor perbankan Islam untuk diagihkan kepada golongan miskin dan memerlukan.



Dr Abdul Halim

Unit di bawah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) itu mengambil inisiatif sebagai institusi pertama yang akan memberikan tumpuan dalam penyelidikan berkaitan penubuhan Baitul Sadaqah.

Pemenang Anugerah Diraja Kewangan Islam 2014, Datuk Dr Abdul Halim Ismail, berkata Baitul Sadaqah boleh ditubuhkan oleh sebuah syarikat kewangan utama atau mana-mana anak syarikat yang berkaitan.

Katanya, salah satu keperluannya ialah Baitul Sadaqah dimiliki dan dikawal oleh sebuah kum-

Sadaqah anjuran IRCIEF di Kajang, semalam.

Bengkel sehari itu adalah sebahagian inisiatif IRCIEF memandangkan produk Baitul Sadaqah adalah satu idea yang baharu di negara ini. Ia dihadiri beberapa pakar yang dipilih dalam pelbagai universiti serta industri.

Mengikut cadangan dikemukakan, antara produk dan perkhidmatan yang mungkin ditawarkan oleh sesebuah Baitul Sadaqah ialah dalam pelbagai bentuk kebajikan termasuk sedekah, wakaf dan hibah.

Pada masa ini, amalan sedekah membabitkan barang bernilai besar seperti tanah dan bangunan oleh golongan kaya.

Penubuhan Baitul Sadaqah membolehkan pusat berkenaan menerima sekurang-kurangnya RM10 daripada orang ramai pada bila-bila masa menggunakan kaedah deposit, pemindahan bank atau pemotongan gaji.

pulan perbankan atau sebarang pertubuhan lain yang mempunyai lesen.

"Sama seperti syarikat takaful, Baitul Sadaqah akan menjadi institusi kewangan yang beroperasi dalam sistem perbankan Islam dan pasaran modal patuh syariah.

**Dikawal Bank Negara**

"Justeru, kawal selia daripada Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) adalah wajar," katanya pada bengkel Keperluan Kajian untuk Instrumen